



## IKLAN JAWATAN KOSONG LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

Bil.	Jawatan	Bayaran Perkhidmatan	Taraf Lantikan	Kekosongan
1.	Pekerja Sambilan Harian bertaraf SPM	RM54.00 Sehari	Kontrak (3 bulan+3 Bulan) Tempoh Minimum : 3 Bulan Tempoh Maksimum : 6 Bulan	2

### SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan  
\*Keutamaan kepada calon yang memiliki kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
  - (d) sihat tubuh badan.

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil

Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **TEMPOH PERKHIDMATAN**

- (3) Tempoh perkhidmatan PSH hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi.

### **SYARAT PERMOHONAN**

- (4) Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan **KHAS UNTUK PERMOHONAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN** (seperti dalam Lampiran) sahaja.
- (5) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen yang berikut (**keperluan pengesahan dokumen berkaitan tidak diperlukan**):
  - (a) Salinan Kad Pengenalan.
  - (b) Salinan Surat Beranak.
  - (c) Salinan Sijil Berhenti Sekolah terakhir dan salinan Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia.
  - (d) Salinan tamat pengajian dan/atau transkrip bagi sijil yang berkenaan.
  - (e) Gambar berukuran pasport.
- (6) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (7) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (8) Pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.

## **ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INTEGRITI,  
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,  
TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN, NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.  
(U/P: ENCIK MUHAMMAD HILMI BIN MAHFOL)**

Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 13 Julai 2018 (Jumaat).

(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri atas sampul surat).